

PROSEDUR OPERASI STANDARD BAGI MAJLIS KONVOKESYEN KE-17 UTeM

A. PERATURAN UMUM

1. Graduan dan pengiring (ibu bapa/penjaga/waris) dikehendaki untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang berkuat kuasa di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
2. Graduan dan pengiring yang hadir mestilah telah **lengkap divaksin dengan dua (2) dos**.
3. Graduan dan pengiring perlu mengemaskini status COVID-19 dalam aplikasi MySejahtera sebelum memasuki UTeM.
4. Graduan dan pengiring **WAJIB** membuat ujian Saliva/ Nasal COVID-19 Rapid Antigen Test Kit (RTK) **SEHARI (1)** sebelum hadir ke Majlis Konvokesyen. Keputusan ujian tersebut hendaklah dibawa secara **FIZIKAL** dan ditunjukkan semasa melalui **PINTU MASUK UTAMA** Kampus Induk UTeM.
5. Graduan dan pengiring hanya dibenarkan untuk menaiki **satu (1) kenderaan** sahaja dengan kapasiti maksimum **tiga (3) orang** termasuk graduan. Lain-lain pengiring **TIDAK DIBENARKAN** masuk UTeM.
6. Graduan dan pengiring dari luar negara perlu mematuhi tempoh kuarantin dan mematuhi semua prosedur kemasukan ke Malaysia seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.
7. Penggunaan ruang dan fasiliti yang tidak terlibat secara langsung dengan Majlis Konvokesyen adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM dan Kafeteria.
8. Graduan dan pengiring perlu sentiasa memakai pelitup muka (*face mask*) dan menggunakan pencuci tangan (*hand sanitizer*) serta mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang berada di dalam UTeM.

9. Tindakan boleh diambil sekiranya graduan gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh UTeM.

B. SEBELUM MEMASUKI KAMPUS





1. Status MySejahtera mestilah status yang dibenarkan masuk ke kampus mengikut SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berstatus Risiko Rendah, Kontak Rapat Penerima Dos Penggalak Tidak Bergejala dan Kontak Kasual Tidak Bergejala.



10. Status yang **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke kampus mengikut SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berstatus *Home Surveillance Order* (HSO), Kontak Rapat Bergejala sama ada menerima atau tidak dos penggalak, Individu dalam Pemantauan (PUS) dan Kontak Kasual Bergejala. Mereka yang mempunyai status seperti berikut **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke UTeM:

- Kes positif COVID-19
- Kontak rapat :
 - penerima dos penggalak yang bergejala
 - belum menerima dos penggalak bergejala atau tidak bergejala
- Bergejala (Selsema, Demam, Batuk)

TIDAK DIBENARKAN MASUK KE PREMIS

<p>Keputusan Ujian Makmal COVID-19 COVID-19 Lab Test Results</p> <p>Kes Yang Disahkan – Bergejala / Confirmed Case – Symptomatic</p> 	<p>Keputusan Penilaian Kesihatan Kes Suspek / Suspected Case</p> 
<p>Keputusan Penilaian Kesihatan Kontak Rapat</p> <p>Anda telah dikenal pasti sebagai kontak rapat kepada pesakit COVID-19.</p> <p>You have been identified as a Close Contact to a positive COVID-19 case.</p> <p>Sila lakukan pemeriksaan kesihatan di fasiliti kesihatan yang tertera di dalam pautan di atas. Status kesihatan anda akan dipantau melalui aplikasi ini selama 14 hari.</p> <p>Kindly get further assessment from the nearest health facility as listed in the link above. Your health status will be monitored through this application for the next 14 days.</p> 	<p>Status Risiko COVID-19 COVID-19 Risk Status</p> <p>Individu Dalam Pemantauan / Person Under Surveillance (PUS)</p> 
<p>Kontak Kasual Bergejala</p> 	

2. Graduan dan pengiring hendaklah jujur dalam membuat deklarasi tahap kesihatan masing-masing.

3. Graduan dan pengiring perlu memastikan diri berada dalam keadaan sihat sebelum memasuki UTeM.
4. Sekiranya berlaku sebarang kes-kes kecemasan sepanjang tempoh Majlis Konvokesyen berlangsung akan dirujuk kepada petugas perubatan UTeM.

C. SEMASA DI KAMPUS (PINTU MASUK UTAMA)

1. Graduan perlu memaparkan **PAS KENDERAAN** di *dashboard* hadapan kenderaan masing-masing.
2. Graduan dan pengiring perlu menunjukkan **sijil vaksinasi digital** pada aplikasi MySejahtera atau **kad vaksinasi** di Pintu Masuk Utama UTeM.
3. Graduan dan pengiring hendaklah mematuhi arahan petugas lalu lintas bagi memudahkan aliran trafik dalam kampus dan memastikan meletakkan kenderaan masing-masing di tempat parkir yang telah ditentukan.

D. TEMPAT PENDAFTARAN GRADUAN

1. Hanya graduan sahaja dibenarkan masuk ke tempat pendaftaran graduan.
2. Graduan perlu mengimbas kehadiran melalui aplikasi MySejahtera semasa mendaftar.
3. Graduan perlu mengikuti arahan petugas bagi penyusunan dan perarakan graduan masuk ke Dewan Canselor.

E. SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN BERLANGSUNG (DEWAN CANSOLOR)

1. Pengiring dikehendaki mematuhi etika berpakaian sebelum memasuki ke kawasan UTeM. (Rujuk Buku Panduan Graduan di laman sesawang konvokesyen : konvo.utm.edu.my)

2. Pihak petugas mempunyai hak untuk menghalang pengiring daripada memasuki dewan sekiranya tidak mematuhi etika berpakaian tersebut.
3. Pengiring dikehendaki mengimbas kehadiran melalui aplikasi MySejahtera semasa di khemah pendaftaran ibu bapa.
4. Pihak UTeM **TIDAK** menyediakan sarapan / makan tengah hari kepada graduan dan pengiring. Graduan dan pengiring tidak dibenarkan makan semasa berada di dalam dewan.
5. Graduan dan pengiring dikehendaki mematuhi penjarakan yang telah ditetapkan dan arahan petugas sepanjang berada di dalam dewan dan semasa keluar dewan.
6. Sebarang masalah atau pertanyaan semasa berada di dalam dewan sila rujuk kepada petugas dalam dewan.

F. KELUAR DARI KAMPUS (PINTU KELUAR UTAMA)

1. Graduan dan pengiring perlu segera meninggalkan UTeM setelah urusan pemulangan jubah graduan selesai.
2. Graduan dan pengiring hendaklah mematuhi arahan petugas lalu lintas bagi memudahkan aliran trafik keluar dari kawasan kampus.

PEMAKAIAN

Arahan ini adalah tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh UTeM, Kementerian Pengajian Tinggi atau Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sebarang pertanyaan mengenai Majlis Konvokesyen sila hubungi Bahagian Pengurusan Akademik di talian 06-270 1990/1960/1961/1962/1963/1493/1908/1965 untuk keterangan lanjut atau e-mel kepada bpa@utem.edu.my.

